

Pemenang AJBUM diumumkan malam ini

Um 13/11/06

KUALA LUMPUR 12 Nov. - Debaran lapan peserta akhir Anugerah Fesyen Jarum Berlian *Utusan Malaysia* (AFJ-BUM) 2006 semakin terasa apabila sesi penilaian terakhir oleh para juri diadakan di Berjaya Times Square di sini, hari ini.

Lapan finalis itu ialah empat pelajar Universiti Lim Kok Wing iaitu Goh Hui Ling, 22; Chein Wan Chun, 21; Jessie Tan Hui Boon, 23; Song Wei, 22 serta Zery Zamry, 22, dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Tiga finalis lagi ialah Ngoi Tong Hoe (Anthony), 26, Rivon Teh Shuk Pbei, 20 dan Marven Heng Hui Ching, 23.

Kesemua mereka dinilai melalui tiga aspek utama iaitu seni sebanyak 30 peratus, teknikal termasuk dari segi potongan, sulaman dan jahitan sebanyak 40 peratus dan 30 peratus markah lagi menerusi persembahan iaitu kesesuaian muzik, aksesori dan warna.

Setiap peserta akan menampilkan tiga rekaan untuk kategori kasual, gaun petang dan avant garde.

Para juri yang terlibat pada sesi pemilihan itu ialah Pengarang *Wanita*, Mahani Awang, Tokoh Budayawan, Datuk Shah Reza dan pereka fesyen, Khooon Hooi.

Juara pertandingan itu bakal meneri-

ma wang tunai RM10,000 berserta trofi dan sijil, tempat kedua RM5,000 berserta trofi dan sijil manakala pemenang tempat ketiga akan menerima wang tunai RM3,000 berserta trofi dan sijil.

Lima peserta lagi akan menerima hadiah RM1,000, trofi dan sijil.

Kelapan-lapan finalis itu juga bakal memperagakan hasil fesyen ciptaan mereka pada majlis Makan Malam Gala AFJBUM 2006 yang akan berlangsung malam ini.

AFJBUM 2006 yang telah memasuki tahun kesembilan sekali lagi menjadi gelanggang eksperimen para peserta menentang idea, bakat dan kreativiti masing-masing.

Pertandingan rekaan fesyen paling berprestij itu terus menjadi agenda penting dalam kalendar fesyen tanah air sebagai gelanggang melahirkan pereka-pereka muda berbakat yang bakal mewarnai dan membawa rekaan negara ke persada antarabangsa.

Keputusan akhir AFJBUM 2006 akan diketahui malam esok apabila kesemua peserta sekali lagi tampil membuat persembahan mempamerkan kreativiti mereka.

Majlis akan berlangsung di Berjaya Times Square di sini.